

11 JAN 1999

Ling-Pemilihan

MCA TIADA RANCANGAN TANGGUH PEMILIHAN

KUALA LUMPUR, 11 Jan (Bernama) -- MCA tidak bercadang mengikut langkah Umno untuk menangguhkan pemilihan parti tahun ini, kata presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik hari ini.

Ling berkata daripada pemerhatiannya semasa mengadakan pertemuan dengan anggota-anggota parti di seluruh negara, mereka lebih suka pemilihan diadakan segera.

"Ini kami perlu bincangkan dengan majlis presiden. Tetapi pada pendapat saya sendiri itulah kehendak ramai yang mahukan pemilihan diselesaikan segera," katanya semasa ditanya pemberita di sini sama ada MCA akan mengikut keputusan Umno menangguhkan pemilihan parti.

Pemilihan MCA dijadual diadakan pada 17 Julai.

Pemilihan anggota Majlis Tertinggi Umno yang dijadual Jun tahun ini telah ditangguhkan selama 18 bulan.

Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan pada Jumaat lepas bahawa penangguhan itu akan membolehkan Umno memberi tumpuan kepada persiapan menghadapi pilihan raya umum yang perlu diadakan tidak lewat dari April 2000.

Ditanya sama ada keputusan itu menunjukkan keyakinan MCA dengan kekuatan parti itu untuk menghadapi pilihan raya, Ling berkata tiada apa yang perlu dibanggakan kerana yang lebih penting ialah kestabilan parti itu memberi petanda baik kepada Barisan Nasional dan negara.

Ditanya sama ada beliau menjangkakan pilihan raya umum akan diadakan tahun ini, Ling secara berjenaka berkata: "apabila Dr Mahathir mendapat ilham."

Beliau berkata MCA sentiasa bersedia menghadapi pilihan raya dan tidak semestinya tumpuan hanya diberikan mulai sekarang.

"Kami tidak pernah berhenti. Semua yang kita buat sejak pilihan raya lepas adalah untuk pilihan raya akan datang," katanya.

Ling, yang juga Menteri Pengangkutan, berkata rakyat akan menghakimi kejayaan parti berdasarkan pencapaian dan rekodnya yang lepas.

-- BERNAMA

AR RON